

Soalan No : 30

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]

TARIKH : 23.11.2015

SOALAN :

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan mengapa UPSR kertas Bahasa Cina mengandungi soalan yang berdasarkan soalan SPM Bahasa Cina. Apakah pandangan Kementerian terhadap isu ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dakwaan bahawa kertas soalan Bahasa Cina UPSR mengandungi soalan yang berdasarkan Bahasa Cina SPM adalah **tidak benar**. Kertas soalan Bahasa Cina UPSR 2015 dibina berdasarkan sukatan pelajaran mata pelajaran Bahasa Cina. Lembaga Peperiksaan (LP) mempunyai prosedur standard untuk menetapkan kriteria pemilihan petikan teks seperti kepanjangan teks, konteks teks (skop dan dimensi), laras dan kebolehbacaan teks, kesesuaian sosio-budaya dan kosa kata yang digunakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kandungan dalam buku teks atau sumber yang terhad, petikan dari mana-mana sumber yang authentik, termasuk sumber petikan dari negara China boleh digunakan, asalkan pemilihan petikan tersebut bersesuaian dan memenuhi kriteria yang ditetapkan. RJM53